

07/04/2002

Malaysia tidak rugi Singapura enggan beli air

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Malaysia tidak akan rugi apa-apa sekiranya Singapura membuat keputusan untuk mendapatkan sumber bekalan air bersih dari negara lain.

"Kalau Singapura hendak cari sumber air dari tempat lain, itu adalah haknya. Bagi saya itu bukan satu kerugian pada Malaysia dan kita tidak fikir ia satu tindakan yang menimbulkan apa-apa masalah dalam hubungan Malaysia-Singapura," kata Timbalan Perdana Menteri selepas menyampaikan ucapan di Seminar Keluarga Bahagian Nadi Kesejahteraan Negara anjuran Yayasan Budi Penyayang (Penyayang) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, bahawa Singapura patut memutuskan kebergantungannya kepada bekalan air Malaysia, satu isu yang sering menimbulkan ketegangan antara kedua-dua negara.

Goh dipetik sebagai berkata: "Sudah tiba masanya kita menjelajah pendekatan berbeza kepada bekalan air dari Malaysia. Saya tidak mahu hubungan kita dengan Malaysia terus-terusan tegang kerana isu ini. Adalah tidak sihat untuk kedua-dua negara kita terus terikat dengan pertelingkahan ini."

Ketika ini Singapura hanya membayar tiga sen untuk setiap 1,000 gelen air mentah kepada Kerajaan Negeri Johor, iaitu mengikut perjanjian yang dipersetujui pada 1961 dan 1962.

Isu bekalan air ini kelihatan menjadi isu seperti duri dalam daging kepada hubungan Malaysia-Singapura dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mencadangkan supaya isu itu diselesaikan dalam satu pakej khas iaitu bersama-sama pelbagai isu lain yang dihadapi antara kedua-dua negara.

Tahun lalu, dalam kebimbangan Singapura melihat sokongan Melayu semakin terhakis terhadap parti pemerintah Umno dan kemungkinan Pas mengambil alih pentadbiran negara, menyaksikan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew, hadir di Kuala Lumpur dengan misi untuk menyelesaikan masalah pakej khas ini.

Hasil rundingan dengan Dr Mahathir, walaupun tidak berpuas hati tetapi Lee menawar untuk meningkatkan harga air iaitu 45 sen untuk setiap 1,000 gelen air mentah apabila perjanjian sedia ada berakhir pada tahun 2011 dan menaikkan harga itu pada 60 sen selepas 2061, dengan pindaan setiap lima tahun sekali.

Bagaimanapun, isu bekalan air itu masih belum terlerai hingga sekarang dan ia sekali gus turut mengaitkan rundingan bagi pakej yang membabitkan hal lain termasuk penggunaan udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura, status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen Tanjung Pagar dan pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Abdullah ketika ditanya mengenai rundingan membabitkan pakej khas ini berkata ia adalah tugas Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, tetapi berharap kemelut dengan Singapura ini tidak akan berpanjangan.

Beliau juga tidak menolak spekulasi bahawa pergolakan terbaru termasuk membabitkan tindakan Singapura menambak laut tanpa berunding dulu dengan Malaysia, mungkin akan menjejaskan rundingan antara kedua-dua negara.

"Tetapi kita memang tidak mahu masalah seperti ini berpanjangan atau tiada penyelesaian, yang perlu sekarang ialah semangat kerjasama dan keikhlasan mereka dalam meleraikan semua masalah ini," katanya.

( END )